

# BN mungkin letak calon wanita

Oleh ARSHAD KHAN

**RAUB** 10 Jan. - Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob tidak menolak kemungkinan calon wanita akan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Batu Talam pada 28 Januari ini.

Walaupun tidak memberikan sebarang petanda jelas, Adnan yang juga Menteri Besar menyatakan setakat ini terdapat dua calon wanita yang dipertimbangkan untuk dicalonkan.

"Nama Ketua Wanita UMNO (Raub) dan Ketua Puteri (Raub) ada dalam senarai calon yang diterima Badan Perhubungan UMNO negeri," katanya pada sidang media selepas memengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini, hari ini.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Raub ialah Jariah Hashim, 57, mana-

**Kita tidak akan meletakkan calon yang tidak berminat bertanding atau yang tidak digemari pengundi**

kala Rosemiley Bontat pula merupakan Ketua Puteri.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan UMNO Pahang diminta mengemukakan cadangan beberapa nama wanita untuk turut dipertimbangkan menjadi calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Batu Talam.

Selain Jariah Hashim, 57, Naib Ketua Wanita Bahagian, Rasiyah Tamsil, 62, dan Setiausahanya, Noraini Abdullah, 45, juga dikatakan antara nama yang wajar diberikan perhatian.

Adnan menjelaskan, senarai nama calon akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam masa terdekat sebelum

penamaan calon pada 16 Januari ini.

Beliau berkata, penyerahan senarai calon itu mungkin dilihat agak lewat tetapi ia perlu melalui beberapa prosedur yang tidak dapat dijelaskan.

Katanya, UMNO negeri pada peringkat ini tidak mahu melihat sebarang aktiviti lobi-melobi oleh mana-mana pihak untuk menjadi calon pilihan raya kecil itu.

Beliau menambah, secara keseluruhan UMNO Bahagian Raub sudah pun menyerahkan lima nama tetapi pemilihan bakal calon tidak hanya terhad setakat nama-nama itu.

"Mungkin juga kita akan pertimbangkan dua atau tiga nama selain daripada yang diserahkan kepada ki-

Um - 11/11 2007  
**ADNAN YAAKOB**  
Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang

ta," katanya.

Beliau menegaskan, bakal calon yang akan dipilih juga tidak semestinya anak tempatan dan ia terbuka kepada mana-mana ahli UMNO yang dilihat sesuai.

"Yang kita hendak ialah calon yang mahu bertanding dan disukai oleh pengundi. Kita tidak akan meletakkan calon yang tidak berminat bertanding atau yang tidak digemari pengundi. Kita akan melakukan kajian dan semakan terlebih dahulu," jelasnya.

Ditanya bilakah nama calon akan diumumkan, Adnan berkata, hal itu adalah hak eksklusif Perdana Menteri tanpa perlu ada campur tangan mana-mana pihak lain.

"Melainkan Perdana Menteri menurunkan kuasa untuk mengumumkannya kepada timbalannya atau saya, ia pasti akan dipilih dan diumumkan oleh beliau sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Adnan memberi-

tahu, kerajaan negeri memutuskan untuk menggunakan perbelanjaan sendiri berjumlah RM9 juta bagi mengatasi masalah bekalan air di kawasan Felda Tersang.

"Kita dahulukan wang kita sendiri dalam hal ini tetapi kita akan mengadakan pertemuan lanjut dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membincangkan kaedah agar Felda dapat membayar kembali pendahuluan wang itu," katanya.

Peruntukan itu, kata beliau, akan digunakan untuk membina sebuah loji air berkapasiti tinggi bernilai RM5 juta dan sistem paip baru bernilai RM4 juta sejauh 13 kilometer bermula di Felda Sungai Koyan.

Katanya, usaha menangani masalah bekalan air di Felda Tersang bukan diambil kerana pilihan raya kecil Batu Talam tetapi sudah dirancang lebih awal.